



FOKUS

Oleh Ruhaiya Rusmin
ruhaiyarusmin@mediaprima.com.my

Sepanjang minggu lalu, institusi pengajian tinggi (IPT) menerima kehadiran siswa baru sekali gus menjadi langkah awal kepada golongan terbabit memulakan langkah di menara gading.

Dipenuhi keterujaan dan kegembiraan untuk memulakan kehidupan di kampus, mereka perlu bersedia melakukan penyesuaian diri dengan suasana serba-serbi berbeza.

Tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada pensyarah atau rakan-rakan, mereka perlu belajar berdikari sebagai pelajar IPT.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Putra Malaysia (UPM) Profesor Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran berkata, kegalan siswa menyesuaikan diri dengan keperluan universiti boleh memberi kesan kepada pencapaian golongan itu.

Beliau berkata, mereka perlu belajar menyesuaikan diri dengan perbezaan itu jika tidak mahu proses kehidupan dan pembelajaran mereka di kampus terganggu.

"Ada segelintir mereka beranggapan apabila masuk universiti, kehidupan atau proses pembelajaran sama seperti di sekolah yang semuanya tersedia di depan mata."

"Ada juga menganggap mereka sudah besar, bebas daripada kawalan sehingga terlupa matlamat asal."

"Sebenarnya, sebaik sajanya anda menjajak kaki di menara gading, kehidupan yang sebelum ini dilalui dengan mudah akan bertukar dengan pelbagai cabaran kerana perjuangan baru bermula," katanya.

Beliau berkata, penyesuaian diri yang betul boleh menjadi faktor penyumbang kepada kejayaan siswa sekali gus mengelak mereka daripada gagal menamatkan pengajian.

"Ada kajian dilakukan sebelum ini mendapat antara penyebab siswa gagal menamatkan pengajian kerana sukar menyesuaikan diri dengan situasi di kampus."

"Mereka sukar menangani pelbagai cabaran dan tuntutan di universiti hingga hilang fokus."

"Antara yang sering berlaku ialah kejutan budaya dalam menangani aspek ke-



JIKA gagal atau sukar menyesuaikan diri dengan persekitaran, dikhawatir akan memberi impak negatif sekali gus hilang fokus dalam pengajian. - Gambar hiasan

BIJAK SESUAIKAN DIRI penyumbang kejayaan

LAYSIA
ANTAN



KAMPUS dan menara gading landasan terbaik untuk siswa mempersiapkan diri dengan pelbagai keperluan sebelum memasuki dunia pekerjaan. - Gambar hiasan

bebasan yang diperoleh tiba-tiba," katanya.

gajian tahun kedua.

Manakala satu kajian longitudinal yang dijalankan Wintre dan Bowers pada 2007 di sebuah universiti di Kanada menunjukkan 57.9 peratus daripada siswa di universiti berkenaan bergraduat, sembilan peratus masih berdaftar sebagai pelajar, manakala 33.1 peratus tidak berdaftar juga tidak bergraduat.

Antaranya, kajian dilakukan penyelidik sosial, Tinto pada 1996 mendapat 40 peratus daripada siswa yang mengikuti program pengajian empat tahun di Amerika Syarikat gagal memperoleh ijazah dan 57 peratus meninggalkan universiti sebelum tiba sesi pen-

menyesuaikan diri boleh memberi impak negatif.

"Antara masalah penyesuaian yang dikenal pasti adalah matlamat yang kabur, komitmen rendah, masalah kewangan, ketidakserasan antara pelajar dengan institusi serta perilaku daripada pendidikan menengah ke pendidikan tinggi yang menjadi satu pengalaman menyukarkan bagi kebanyakan siswa tahun satu."

Beliau berkata, meskipun kemasukan siswa terdiri dari kalangan mereka yang memenuhi syarat kelayakan ditetapkan, kesilapan

"Kedua-dua ini menyebabkan mereka menghadapi masalah menyesuaikan

Antara masalah penyesuaian dikenal pasti ialah ketidakserasan antara pelajar dengan institusi



UNTUK berjaya bukan saja memerlukan usaha berganda, tetapi juga pemantapan dari segi fizikal dan mental dalam menghadapi cabaran di kampus. - Gambar hiasan



KEHIDUPAN sebagai warga kampus bermula sebaik saja lafaz ikrar selesai dan siswa perlu pandai menyesuaikan diri dengan tuntutan di menara gading. - Gambar hiasan



SEBAIK saja menjajak kaki di menara gading, kehidupan siswa akan bertukar daripada alam persekolahan ke alam pendidikan tinggi yang memerlukan mereka belajar berdikari dan menyesuaikan diri dengan persekitaran. - Gambar hiasan

diri di kampus selain mendapat golongan itu sering menghadapi pelbagai cabaran personal dan interpersonal dengan kendah persekitaran," katanya.

Penyesuaian di universiti, katanya, boleh merangkumi empat dimensi iaitu penyesuaian akademik, sozial, peribadi-emosi dan dimensi komitmen matlamat atau perapatan institusi.

Keempat-empat dimensi penyesuaian ini dapat diukur menggunakan Soal Selidik Penyesuaian Pelajar di Universiti yang dibina Baker dan Siryk pada 1999.

"Keupayaan menyesuaikan diri di kampus mempunyai hubungan dengan keupayaan psikososial dimiliki siswa."

"Antara keupayaan psikososial yang mempunyai impak positif dan penting ke atas penyesuaian pelajar ialah kecerdasan emosi, daya tindak dan sokongan sosial."

"Ketiga-tiga keupayaan psikososial ini didapati me-



66 Kajian mendapat tempoh enam minggu pertama di kampus sangat kritikal bagi siswa dalam menentukan pengekalan mereka di universiti

DR MOHAMMAD SHATAR

mainkan peranan penting dalam membantu mereka melaksanakan penyesuaian di universiti," katanya.

Beliau berkata, bagi memastikan penyesuaian diri dalam kalangan siswa baru mampu dilaksanakan dengan baik, universiti juga perlu mengambil langkah proaktif bagi memupuk keupayaan kecerdasan emosi, daya tindak dan sokongan sosial.

"Dalam soal ini, sokongan daripada universiti juga penting bagi memastikan golongan itu berada pada landasan betul untuk menyesuaikan diri."

"Kajian mendapat tempoh enam minggu pertama di kampus sangat kritikal bagi siswa dalam menentukan pengekalan mereka di universiti"

"Justeru, perlu untuk memberi sokongan fizikal dan emosi kepada mereka agar tidak teraba-raba mencari penyesuaian diri yang diperlukan hingga tamat pengajian," katanya.